

26/10/1998

ISC tingkat status wanita desa

Rosmin Darus; Khairana Sabtu

MENDIDIK wanita bererti mendidik seluruh keluarganya. Itulah pegangan yang sewajarnya diterapkan dalam masyarakat, hari ini jika mahu mengeluarkan wanita dan keluarganya daripada belenggu kemiskinan.

Menyedari betapa pentingnya wanita sebagai nadi dan fungsi mengeluarkan keluarga mereka daripada kancah kemiskinan, Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita (ISC) memilih tema Kemiskinan Di Kalangan Wanita Luar Bandar, Keluarga dan Masyarakat untuk mesyuarat, kali ini.

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari, bermula 22 Oktober lalu disertai 86 delegasi dan pemerhati dari sembilan negara, Belgium, Senegal, Nigeria, Jordan, Mesir, Kyrgyz, Magribi, Ecuador dan Malaysia. Sebelas wakil pertubuhan antarabangsa turut hadir.

Hadir sama pada mesyuarat kali ketiga ini ialah tiga Wanita Pertama iaitu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah; Wanita Pertama Nigeria, Fati Abubakar dan Wanita Pertama Senegal, Elisabeth Diouf. Penaung ISC, Ratu Fabiola dari Belgium juga turut hadir.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam ucapannya menekankan supaya dunia memberi perhatian kepada wanita luar bandar yang tidak pernah menerima pengiktirafan sewajarnya walaupun 60 peratus daripada mereka adalah nadi sektor perladangan dan industri hiliran.

Dr Mahathir juga menyifatkan tema mesyuarat ISC kali ini boleh dianggap sebagai satu amaran terutama dalam situasi kegawatan ekonomi kerana kejatuhan nilai mata wang serta kemelesetan ekonomi, turut membabitkan golongan miskin di luar bandar terutama wanita.

Jawatankuasa ISC dianggotai oleh wanita pertama iaitu isteri ketua kerajaan atau ketua negara dari lima wilayah iaitu Asia Pasifik, Amerika, Eropah, Timur dekat dan Afrika.

Tugas utamanya ialah menjalankan advokasi bagi menggembleng tenaga dan kepakaran teknikal serta sumber lain bagi meningkatkan status wanita luar bandar di seluruh dunia, susulan kepada Sidang Kemuncak Mengenai Wanita Luar Bandar di Geneva pada 1992.

Apa yang menarik mengenai mesyuarat yang bermula 22 Oktober dan berakhir dua hari kemudian ialah inisiatif penganjur menganjurkan lawatan ke Kampung Banghuris (Kampung Bangkung, Kampung Hulu Teris dan Kampung Ulu Chuchuh) di Sepang.

Lawatan ke projek pembangunan wanita luar bandar itu bukan sekadar 'makan angin' kepada delegasi luar negara tetapi berjaya membuka mata mereka mengenai kejayaan wanita luar bandar negara ini dalam industri kecil.

Mungkin, ada yang beranggapan laporan negara yang dibaca oleh Dr Siti Hasmah di mesyuarat itu cukup jelas kepada delegasi luar negara mengenai kemajuan wanita luar bandar negara ini tetapi lawatan itu adalah bukti nyata yang dapat dipelajari mereka.

Malah, ada delegasi luar negara yang melahirkan hasrat untuk mempelajari teknik perladangan dan penanaman moden yang diusahakan oleh wanita luar bandar negara ini untuk meningkatkan produktiviti. Begitu juga industri membuat mi dan tauhu yang menurut mereka sesuatu yang menguntungkan.

Kalau diikuti laporan daripada negara peserta, hampir semua sedang dalam usaha meningkat taraf sosioekonomi golongan berkenaan.

Mereka mendakwa pelbagai program dan bantuan disalurkan oleh kerajaan

masing-masing dalam usaha memastikan wanita luar bandar tidak tersisih daripada pembangunan negara.

Jordan misalnya mempunyai dasar yang menjamin hak wanita luar bandar di samping mengiktiraf sumbangan mereka terhadap ekonomi negara.

Dr Abla Amawi yang mewakili Permaisuri Noor Al-Hussein dari Jordan dalam laporannya, berkata Yayasan Noor Al Hussein (NHF) dan Kementerian Pertaniannya banyak membantu wanita luar bandar.

Katanya, peranan kedua-dua badan itu mengubah keadaan semasa pembabitan wanita luar bandar dalam sosial dan ekonomi negara.

"Tujuannya ialah untuk memastikan adanya faktor bantuan peningkatan produktiviti seperti tanah, pinjaman, bantuan teknikal dan latihan.

"Ia juga bagi memastikan pembabitan projek yang produktif untuk meningkatkan pendapatan serta membabitkan masyarakat pelbagai peringkat dalam pertubuhan. Malah, kedua-dua badan itu juga ingin memastikan peningkatan tahap pendidikan dan kesedaran di kalangan wanita luar bandar," katanya.

Sementara itu, Senegal pula melaporkan kerajaannya perlu mengiktiraf dan melindungi keseimbangan pemilikan tanah oleh wanita.

Malah bebanan mereka juga perlu dikurangkan dengan menganjurkan program yang berkaitan dengan isi rumah serta pertanian.

Banyak cara untuk membantu wanita luar bandar. Antaranya ialah dengan memberikan pengiktirafan di samping melindungi hak wanita luar bandar ke atas tanahnya.

Beban wanita terbabit juga perlu dikurangkan dengan menganjurkan program yang membabitkan tugas isi rumah.

Mesir pula mempunyai program peringkat kebangsaan dalam meningkatkan pembangunan wanita luar bandar iaitu Program Shourouq.

Program itu bertujuan membantu penduduk luar bandar bukan hanya menjadi penerima proses pembangunan tetapi turut serta membangunkan ekonomi negara.

Pada Julai lalu, Program Shourouq mula digerakkan di kira-kira 5,000 kampung di kampung negeri itu.

Dalam tempoh tiga tahun iaitu 1995 hingga 1998, program Shourouq berjaya menjalankan 8.882 projek pembangunan luar bandar dengan jumlah pelaburan L.E. 469.1 juta.

Manakala Republik Kyrgyzstan mempunyai dasar dalam menguatkan ekonomi makro dan mikro khususnya yang membabitkan wanita.

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan republik untuk meningkatkan pendapatan wanita luar bandar dan mereka berharap peluang itu digunakan sepenuhnya oleh wanita terbabit.

Nigeria pula mempunyai program yang dipanggil Program Kehidupan Lebih Baik untuk wanita luar bandar.

Program itu diilhamkan oleh Wanita Pertamanya, Maryam Babangida pada 1987 dengan objektif utamanya menggerakkan kerjasama wanita dalam bidang perniagaan, pemprosesan makanan, kesihatan, pendidikan dan rekreasi.

Program ini turut menggalakkan pembangunan industri desa, ikan, penanaman sayur, kesihatan dan kebajikan.

Kata Dr Siti Hasmah, semua negara peserta mempunyai masalah dan jelas krisis ekonomi sekarang sedikit sebanyak mengganggu kelancaran matlamat ISC, namun sejak diwujudkan ia sudah banyak memanfaatkan negara masing-masing.

Contohnya, Malaysia mempelajari cara pembasmian kemiskinan di kalangan wanita dari Bangladesh, begitu juga pengalaman negara ini dalam bidang kraftangan, teknologi dan sebagainya dapat dicontohi negara lain.

Mesyarikat itu juga melantik Wanita Pertama Senegal, Elisabeth Diouf sebagai Presiden Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar (ISC) bagi tempoh 1998-2000.

Serentak dengan pelantikan itu, Senegal akan menjadi tuan rumah untuk mesyuarat ISC ke-4 pada tahun 2000.

Selain itu, mesyuarat juga menerima empat cadangan untuk meningkatkan status wanita luar bandar iaitu:

- * Menasihati penggubalan dasar, program dan sumber pembangunan bersesuaian wanita serta teknologi mesra alam yang berpatutan kehendak wanita;

- * Mendesak institusi penyelidikan dan pembangunan sektor kerajaan serta swasta untuk melabur dalam program pembangunan dan pemindahan teknologi yang boleh membantu mempertingkatkan pengetahuan teknikal dan kewangan wanita luar bandar;

- * Menjadi penasihat pewujudan kerjasama bistari di antara kerajaan, NGO dan sektor swasta supaya boleh menggerakkan sumber dan kepakaran untuk peningkatan kegiatan ekonomi wanita melalui amalan pertanian mesra alam; dan

- * Menggalak penggubalan dan pelaksanaan dasar kerjasama bistari di antara kerajaan, NGO dan sektor swasta meningkatkan perusahaan mikro kepada industri kecil dan sederhana di kalangan wanita luar bandar.

Dr Siti Hasmah, berkata, mesyuarat juga bersetuju menerima dua ahli baru dalam ISC iaitu Krygzstan dan Ecuador, menetapkan bahawa anggota ISC hanya wanita pertama dan wakil peribadi serta komitmen meningkatkan status kehidupan wanita luar bandar.

(END)